



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
JUN 2026**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
ChM PUAN MARHAYANI
BINTI MD SAAD
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**9 JUN 2026
DEWAN SYARAHAN
BANGUNAN FORENSIK
9.00 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

Terima kasih saudara/saudari

Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah rabbi 'alamin,.

Wassalatu wassalamu 'ala saidina

muhammadin asrafi mursalin, Wa 'ala

alihi wasahbihi ajma'in

Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh, Salam Perpaduan dan

Salam Malaysia MADANI.

- **Yang Berusaha Ts. ChM Puan
Hajah Nor Aidora binti Saedon**
Pengarah Kanan Pusat KUALITI
yang menanggung kerja Timbalan
Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Kimia Malaysia
- **Yang Berusaha Pengarah-
Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian,
Negeri dan Cawangan**

- **Tuan-tuan dan Puan-puan,
warga KIMIA Malaysia yang
saya kasihi sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Jun 2026

pada pagi yang penuh keberkatan ini.

2. Perhimpunan ini bukan sekadar rutin bulanan, tetapi merupakan ruang penting untuk kita berhenti seketika, menilai semula perjalanan, memperkukuh semangat dan menyegarkan iltizam sebagai satu pasukan KIMIA Malaysia.
3. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pusat SEKITARAN

selaku penganjur perhimpunan pada pagi ini.

4. Usaha yang tersusun dan komited ini mencerminkan budaya kerja cemerlang yang menjadi kekuatan kita bersama.
5. Syabas dan terima kasih juga kepada semua yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini.
6. Setiap usaha kecil yang disumbangkan sebenarnya memberi impak besar kepada

imej dan profesionalisme
jabatan kita.

UCAPAN PENGHARGAAN

7. Pertamanya, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Chang Lih Kang, Menteri MOSTI atas kesudian beliau hadir dan menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Utama Jabatan Kimia Malaysia

Negeri Johor (KIMIA Johor)
pada 6 Jun yang lalu.

8. Kehadiran beliau mencerminkan kepercayaan dan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan penting jabatan dalam ekosistem sains negara.

9. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha MOSTI yang sentiasa konsisten memberikan sokongan padu serta dorongan

berterusan dalam
memperkukuh agenda sains,
teknologi dan inovasi negara.

10. Perasmian bangunan
tambahan ini amat bermakna
kerana ia bukan sekadar
pembangunan fizikal, tetapi
simbol kepada pertumbuhan
kapasiti, keupayaan dan
keyakinan jabatan untuk
melangkah lebih jauh.

11. Kemudahan yang lebih moden,
selesa dan efisien ini akan
memperkasa warga kerja

KIMIA Johor untuk bekerja dengan lebih pantas, tepat dan berimpak tinggi, selaras dengan tuntutan pelanggan, industri serta cabaran sains forensik dan analisis yang semakin kompleks.

12. Sesungguhnya, kejayaan ini adalah hasil usaha berterusan banyak pihak, dan ia harus menjadi pemangkin untuk kita terus meningkatkan standard perkhidmatan serta memperkukuh reputasi KIMIA

Malaysia sebagai rujukan utama analisis saintifik negara.

13. Sekali lagi, bagi KIMIA Malaysia, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri serta KSU MOSTI atas sokongan, kehadiran dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memperkukuh agenda jabatan ini.

- 14.

UCAPAN TAHNIAH DARJAH
KEBESARAN

15. Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sabah (KIMIA Sabah) atas pengiktirafan sempena Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tahun 2026.
16. Pengiktirafan ini bukan sahaja satu penghormatan peribadi,

tetapi juga mencerminkan dedikasi, integriti dan kecemerlangan warga KIMIA Malaysia dalam menjalankan amanah perkhidmatan awam.

17. Mereka yang diraikan ialah:

- a. YBrs. Ts. Harun bin Ahmad – penerima Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K); dan
- b. Encik Mohd Ariff Nur Aizat bin Ali – penerima Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)

18. Syabas dan tahniah diucapkan.

19. Semoga pengiktirafan ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga kerja untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang, berintegriti dan berjiwa besar.

ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG

20. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada **seramai 103 warga KIMIA Malaysia** yang

telah dipilih sebagai **Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025 Jabatan Kimia Malaysia.**

21. Pencapaian ini mencerminkan tahap komitmen, dedikasi dan integriti yang tinggi dalam kalangan warga jabatan yang sentiasa komited melaksanakan amanah dengan cemerlang.

22. Sesungguhnya, pengiktirafan ini bukan sahaja meraikan kejayaan individu, malah turut

menjadi manifestasi budaya kerja berprestasi tinggi yang terus subur dalam KIMIA Malaysia, serta pemangkin untuk kita terus memperkukuh kualiti penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kecemerlangan organisasi ke tahap yang lebih tinggi.

23. Sebagai makluman, Majlis penyampaian APC tersebut telah diadakan semalam bertempat di Putrajaya

International Convention
Centre (PICC) dan telah
disempurnakan oleh YB
Menteri MOSTI.

PENUTUP

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja yang menyambut ulang tahun kelahiran pada bulan Jun ini.

25. Semoga dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan jiwa dan kekuatan untuk terus menyumbang kepada organisasi tercinta ini.
26. Selamat menyambut Awal Muharam kepada seluruh warga kerja KIMIA Malaysia yang beragama Islam.
27. Semoga kedatangan tahun baharu Hijrah ini menjadi titik permulaan untuk kita memperbaharui azam, memperkukuh iman dan

mempertingkatkan lagi amalan serta integriti dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

28. Mudah-mudahan tahun baharu ini membawa keberkatan, kesejahteraan dan kejayaan kepada kita semua, baik dalam urusan perkhidmatan mahupun kehidupan seharian.

29. Dengan itu, saya sudahi ucapan ini dengan lafaz Wabillahitaufiq walhidayah,

Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

30. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----